

BH/12/9/19 M/S 56



Azman memegang Anugerah Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik MARIM bersama Ketua Risiko Enterprise Pusat, Puan Diah Rianti Callaghen Mohamed Suhaimi (empat dari kiri) dan Ketua Risiko dan Pematuhan, Satpal Singh Dadar Sing.

PLUS Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik 2019 MARIM

PLUS Malaysia Bhd (PLUS) di-anugerahkan sebagai Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik pada Persidangan Antarabangsa Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans Malaysia (MARIM) yang diadakan di Putrajaya, baru-baru ini.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail, berkata pengiktirafan berkenaan adalah sesuatu sangat membanggakan dan satu penghormatan kepada syarikat.

"Pengiktirafan peringkat nasional ini dicapai selepas kemenangan kami pada Anugerah Risiko Strategik Asia Pasifik di Singapura.

"Memenangi anugerah Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik untuk tahun ini membuktikan pasukan PLUS 'Enterprise Risk' sudah berusaha untuk melaksanakan strategi pengurusan risiko secara berkesan dan memberi nilai tambah kepada organisasi kami.

"Paling penting, kejayaan kami ini dapat diukur dan dinilai," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Anugerah Pasukan Pengurusan Risiko MARIM dinilai menerusi dua peringkat proses penilaian, iaitu penyerahan dokumen komprehensif yang disediakan oleh pasukan dan pembentangan kepada

panel hakim.

Barisan hakim terdiri daripada Ketua Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Airasia Bhd (Ketua Hakim), Bernard Lee Tek Ming; Pengurus Besar MRCB, Faizatul Farhah Ghazali; Pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Taipor Suhadah dan Ketua Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Maxis, Raja Amir Abdul Hakem Raja Hedar.

Pemenang anugerah itu bagi tahun sebelumnya adalah Malakoff Corporation Bhd pada 2018, Telekom Malaysia Bhd pada 2017 dan Kumpulan Perangsang Selangor Bhd pada 2016.